

Negara-negara Islam perlu bersatu, kuasai teknologi maklumat

PM: Bahaya globalisasi

UN 28 JUN 2000

Oleh ZULKEFLI HAMZAH
dan MARHAINIKAMARUDDIN

KUALA LUMPUR 27 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan negara-negara Islam supaya mempersiapkan diri menghadapi bahaya globalisasi selain menguasai bidang teknologi maklumat bagi memastikan kesucian Islam terus dipertahankan.

Perdana Menteri menegaskan, umat Islam tidak boleh bertelagah lagi dan mengulangi kesilapan yang lalu kerana itu hanya mengakibatkan mereka terus ditekan oleh musuh-musuh Islam.

“Tindakan kita sekarang ialah memulakan langkah baru untuk mengatasi jurang sesama anggota bagi menghadapi cabaran dan bahaya globalisasi tanpa sempadan ini,” katanya ketika merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara Islam (ICFM) ke-27 di sini, hari ini.

● Lagi laporan di muka 2

Perdana Menteri berkata, bagi memastikan umat Islam ‘duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi’ dengan bangsa-bangsa di dunia ini mereka perlu menguasai ilmu teknologi maklumat (IT) yang penggunaannya jika tanpa kawalan boleh mengancam nilai, kepercayaan dan ketamadunan Islam.

“Penyelesaian ada pada kita dan kita boleh memilih untuk meneruskan pertelingkahan sesama kita atau kita bersama-menghadapi ancaman Islam yang sebenarnya.

“Jika kita memilih untuk tidak menggunakan kuasa dan keupayaan bagi mempertahankan Islam dan umatnya, kita tidak boleh menyalahkan pihak lain, kita sebagai orang Islam yang patut dipersalahkan,” tegasnya.

■ Lihat muka 4

PM: Bahaya globalisasi

UM 28 JUN 2000

Beliau menyatakan demikian dalam ucapan utama 'di hadapan lebih 1,000 wakil dari 56 negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada perasmian sesi ke-27 ICFM di sini. Persidangan ICFM bermula hari ini dan berakhir Jumaat ini.

Ucapan Perdana Menteri yang sebahagian besar amanatnya banyak menyentuh tentang cabaran umat Islam disiarkan secara langsung ke seluruh negara menerusi TV1 yang turut dipancarkan ke Brunei Darussalam, Turki, Filipina dan Iran.

Menurutnya, walaupun agak keterlaluan bagi mengharapkan umat Islam bersatu dalam sekelip mata namun, sekurang-kurangnya negara-negara Islam perlu belajar memahami serta menghadapi bahaya dunia tanpa sempadan dan berusaha mengatasi perbezaan yang ada.

Tuntutan

Beliau menegaskan, dalam era globalisasi ini, umat Islam perlu mempelajari sains dan teknologi baru kerana ia adalah bagi memenuhi suatu tuntutan.

"Memandangkan dunia masih berada di ambang era maklumat dan globalisasi, kita tidak boleh tertinggal jauh di belakang. Kita perlu mengejar mereka, sekiranya kita menunggu, mereka akan berada jauh di hadapan dan masa ini kita telah terlambat," katanya.

Perdana Menteri mengakui tugas menguasai ilmu dan kemahiran moden begitu berat kerana tentangan akan datang daripada umat Islam sendiri yang bimbang akan kehilangan pengaruh dan kuasa sekiranya anggota masyarakat itu lebih berpengetahuan.

Beliau juga percaya akan timbul tuduhan bahawa kumpulan yang menumpukan kepada ilmu moden adalah sekular dan tidak Islamik.

Menyokong

"Percayalah, musuh-musuh kita tidak ambil peduli mengenai tahap keislaman kita. Bagi mereka, kita semuanya umat Islam adalah musuh mereka, berpotensi sebagai pengganas dan dengan itu akan berusaha untuk melemah dan memusnahkan kita.

"Musuh-musuh Islam akan secara langsung dan tidak langsung, menyokong puak pelampau di kalangan kita dan golongan ortodoks yang menolak ilmu dan kemahiran yang sebenarnya boleh mempertahankan kita," katanya.

Dr. Mahathir menjelaskan, banyak pengajaran yang boleh

diperoleh daripada sejarah kejatuhan empayar Islam tetapi jelas bahawa umat Islam sekarang tidak mengambil iktibar daripadanya.

"Hari ini kita lebih berpecah daripada sebelumnya. Kebanyakan negara Islam berperang sesama sendiri dan di dalam negara juga kita tidak mampu bersatu untuk membentuk sebuah kerajaan kukuh.

"Jika kita mengamalkan demokrasi, kita menggunakan Islam untuk memecahbelahkan dan bukan untuk menyatukan rakyat dan dengan itu, kita melemahkan diri sendiri dan kerajaan," jelasnya.

Maklumat

Dalam ucapannya yang penuh nada tegas itu, Dr. Mahathir turut mengingatkan umat Islam bahawa IT sebenarnya bukan sahaja membawa maklumat berbentuk pengetahuan tetapi juga bahan lucah dan pembohongan.

Katanya, bahan seperti itu disebarkan oleh mereka yang mahu menjejaskan pembangunan masyarakat termasuk umat Islam.

"Moral kita, anak-anak kita dan generasi masa depan sedang dicemari agar agama Islam tidak lagi penting dan kita tidak mempunyai kaedah yang secukupnya untuk menanganinya," jelasnya.

Dr. Mahathir berkata, mungkin ada yang terkejut mendapati bahawa kira-kira 50 peratus transaksi perniagaan melalui internet melibatkan bahan lucah.

Kemahiran

"Semasa kita umat Islam menutup tubuh mengikut tuntutan agama, kita digoda untuk memindah terima gambar-gambar lucah daripada internet," ujar beliau.

Menurutnya, melalui internet cara-cara baru untuk melakukan sesuatu menjadi mudah dan barang yang sebelum ini diimport secara pukal oleh syarikat perdagangan boleh terus diperoleh oleh pengguna melalui syarikat dot. com yang terletak 12,000 batu jauhnya.

Kata beliau, pengimport, pengedar dan peruncit akan diketepikan dan kerajaan tidak lagi boleh mengutip duti import dan cukai korporat.

Oleh itu, katanya, umat Islam harus memiliki pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan dalam era maklumat ini kerana jika tidak, mereka akan tertinggal lebih jauh berbanding pada era perindustrian pada abad yang lalu.